

5,443 barang dikecuali Cukai Jualan dan Perkhidmatan

Berita HARIAN 24/08/2018

➔ Eksploitasi peniaga boleh jejas M159 usaha turunkan kos sara hidup

Oleh Muhd Amirul Faiz Ahmad
amifaiz@nstp.com.my

▀ Petra Jaya

Sebanyak 5,443 barang dikecualikan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) berbanding kira-kira 500 barang sahaja ketika era Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), apabila SST dilaksanakan berkuat kuasa 1 September ini, kata Ketua Pengarah

Kastam, Datuk Seri Subromaniam Tholasy.

Bagaimanapun, beliau berkata, eksploitasi peniaga yang mengambil kesempatan menaikkan harga barang atau mengekalkan paras harga ketika kewujudan GST, dikenal pasti berisiko menjejaskan usaha kerajaan menurunkan kos sara hidup.

Skop SST tidak besar

“Menteri Kewangan (Lim Guan Eng) sudah memaklumkan berbanding GST dahulu, skop SST



Subromaniam bersama Pengarah Kastam Sarawak, Datin Sharifah Halimah Tuanku Taha ketika Taklimat GST Bersama Peniaga di Wisma Kastam Sarawak, Petra Jaya, semalam.

tidaklah sebesar GST.

“Jadi, beban cukai kepada pengguna sudah separuh hilang, tetapi harga barang sama ada turun atau naik, saya tidak mahu sentuh sebab ada banyak faktor menentukan harga barang.

“Bukan semata-mata cukai sahaja yang menentukan turun naik harga barang, namun jika kita tengok kebanyakan barang tidak dikenakan cukai dan apa kaitannya dengan SST,” katanya selepas menghadiri Taklimat GST Bersama Peniaga di Wisma Kastam Sarawak di sini, semalam.

Dianggarkan, sebanyak 6,400 jenis barangan bakal dikenakan

SST, berbanding 11,197 barangan di bawah GST.

Subromaniam berkata, Kastam memberi komitmen penuh untuk membantu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), mengawal eksploitasi peniaga tidak bertanggungjawab terutama membabitkan aspek teknikal.

Aspek teknikal

“Aspek teknikal berkenaan merangkumi proses mengenal pasti barang mana yang dicukai dan tidak dicukai, sekali gus secara langsung membantu kementerian terbabit memantau harga barang,” katanya.

Sementara itu, beliau berkata di Sarawak, sebanyak 3,794 syarikat didaftar automatik di bawah SST, berbanding lebih 30,000 syarikat di bawah GST.

“Sehingga kini, sebanyak 77,451 syarikat di seluruh negara sudah didaftar secara automatik di bawah SST, berbanding 472,000 syarikat di bawah GST,” katanya.

Daripada 77,451 syarikat berkenaan, sebanyak 32,557 syarikat adalah pendaftar bagi cukai jualan, manakala 44,874 adalah pendaftar cukai perkhidmatan.

Cukai bagi jualan ditetapkan pada kadar 10 peratus, manakala cukai perkhidmatan adalah enam peratus.